

# KITAB-KITAB SYARAH SUNAN AL-NASĀ'Ī: SATU TINJAUAN METODOLOGI BERDASARKAN TEORI ILMU SYARḤ AL-ḤADĪTH *COMMENTARIES ON SUNAN AL-NASĀ'Ī: A METHODOLOGICAL REVIEW BASED ON THE THEORY OF SYARḤ AL-ḤADĪTH*

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi<sup>1</sup> & Ali Abdul Jalil<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia.

<sup>2</sup> Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia

## ARTICLE INFO

\*Author Email Address:  
[ali.abduljalil94@yahoo.com](mailto:ali.abduljalil94@yahoo.com)

Sumbitted Date:  
26 January 2025

Revised Date:  
1 February 2025

Accepted Date:  
25 April 2025

Kata Kunci:  
Sunan al-Nasā'ī; *Syarḥ al-ḥadīth*,  
Metodologi, Analisis perbandingan.

Keywords:  
*Sunan al-Nasā'ī, Hadīth commentaries,  
Methodology, Comparative analysis*

### Cite as:

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi. 2025. Kitab-Kitab Syarah Sunan al-Nasā'ī: Satu Tinjauan Metodologi Berdasarkan Teori Ilmu Syarḥ al-Ḥadīth. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 26(1):1-15

## ABSTRAK

*Sunan al-Nasā'ī* merupakan salah satu karya utama dalam *Kutub al-Sittah* yang mendapat perhatian meluas dalam kalangan ulama hadith, termasuk melalui penghasilan pelbagai karya syarah. Namun, kajian terhadap metodologi yang digunakan dalam kitab-kitab syarah *Sunan al-Nasā'ī* masih kurang diberikan perhatian secara khusus dalam disiplin ilmu *syarḥ al-ḥadīth*. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan meneliti pendekatan metodologi yang digunakan oleh tiga buah kitab syarah terpilih terhadap *Sunan al-Nasā'ī*, iaitu *Dakhīrah al-'Uqbā, Hāsyiah al-Sindī* dan *Hāsyiah al-Suyūfī*. Penyelidikan ini menumpukan kepada mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam kaedah pensyarahan mereka serta bagaimana metodologi tersebut mempengaruhi pemahaman dan penghuraian hadith berdasarkan prinsip-prinsip ilmu *syarḥ al-ḥadīth*. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini, dengan kaedah analisis dokumen sebagai teknik pengumpulan data utama serta analisis kandungan sebagai teknik analisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat kepelbagaian pendekatan dalam ketiga-tiga kitab syarah yang dikaji, mencerminkan kerencaman perspektif ilmiah dalam tafsiran hadith. Kajian ini menyumbang kepada perluasan wacana ilmu syarḥ al-ḥadīth dengan menekankan kepentingan memahami pendekatan metodologi secara kritis. Oleh itu, dicadangkan agar kajian lanjutan dilakukan terhadap kitab-kitab syarah hadith yang lain bagi memperkukuh kefahaman terhadap tradisi pensyarahan hadith dalam khazanah keilmuan Islam.

## ABSTRACT

*Sunan al-Nasā'ī* is one of the primary works within the *Kutub al-Sittah* and has received significant scholarly attention, particularly through various commentaries. However, the methodological approaches employed in the commentaries on *Sunan al-Nasā'ī* have not been extensively examined within the discipline of *syarḥ al-ḥadīth*. This study seeks to address this gap by exploring the methodological approaches used in three selected commentaries on *Sunan al-Nasā'ī*: *Dakhīrah al-'Uqbā, Hāsyiah al-Sindī, and Hāshiyah al-Suyūfī*. The research focuses on identifying the similarities and differences in their interpretive methods, and how these methodologies influence the understanding and elaboration of hadith based on the principles of *syarḥ al-ḥadīth*. This study adopts a qualitative approach, employing document analysis as the main data collection method, and content analysis as the method of data analysis. The findings reveal a range of methodological diversity among the three commentaries, reflecting a variety of scholarly perspectives in hadith interpretation. This study contributes to the broader discourse of hadith methodology by emphasizing the importance of critically understanding different methodological approaches. It is recommended that future research explore the methodologies of other hadith commentaries to further enrich the understanding of hadith commentary traditions in Islamic scholarship.

## PENGENALAN

Ilmu *syarḥ al-ḥadīth* memainkan peranan penting khususnya dalam memperjelas maksud dan tujuan teks-teks hadith Nabawi sebagai sumber perundangan kedua Islam (Anwar S. et. al., 2024). Ia bukan sekadar menjelaskan makna zahir, tetapi turut mengupas aspek dalaman hadith seperti konteks sejarah, analisis bahasa, serta hubungan antara teks dan hukum (al-Ashrafi, 2007; Faisal Ahmad, 2011). Peranan ini menjadikan syarah hadith sebagai medium utama dalam usaha memahami secara menyeluruh mesej Rasulullah SAW serta implikasinya dalam kehidupan umat Islam (Hamzani Ismail et. al., 2021).

Menurut Fath al-Dīn Bayānūnī (2025), ulama hadith terdahulu telah memanfaatkan ilmu syarah sebagai medium untuk menghuraikan dimensi fiqah, tatabahasa Arab, dan latar belakang periwayatan hadith, dengan tujuan untuk menggali hikmah dan panduan amali daripada teks tersebut (Brinkmann, 2023). Maka tidak hairanlah jika karya-karya syarah menjadi rujukan utama dalam pelbagai disiplin ilmu Islam seperti fikah, *uṣūl al-fiqh* dan tafsir (Bassam Khalil Safdi, 2015).

Walau bagaimanapun, gaya dan pendekatan yang digunakan dalam pensyarahan hadith berbeza antara satu karya dengan karya yang lain. Perbezaan ini sering berpunca daripada latar belakang mazhab, tradisi keilmuan, dan objektif penulisan pengarang masing-masing (Amir Nabi & Tasnim Rahman, 2021). Ada yang menekankan aspek hukum dan fiqah, ada pula yang memberi keutamaan kepada analisis sanad dan perawi, manakala sebahagian yang lain menumpukan kepada makna linguistik serta kontekstual hadith (Ibn Sīdah, 1999). Justeru, perbezaan pendekatan ini memerlukan satu kajian yang lebih sistematik bagi menilai sejauh mana keberkesanannya dalam membantu pemahaman terhadap teks hadith.

Meskipun Sunan al-Nasā'ī merupakan salah satu koleksi hadith yang penting dalam Kutub al-Sittah, namun perbandingan metodologi antara kitab-kitab syarah terhadap karya ini masih belum banyak diterokai. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada tiga buah syarah utama *Sunan al-Nasā'ī*, iaitu *Dakhīrah al-'Uqbā*, *Hāsyiah al-Sindī*, dan *Hāsyiah al-Suyūṭī*. Ketiga-tiga karya ini memperlihatkan pendekatan yang berbeza dalam pensyarahan hadith, dan justeru itu, ia wajar dianalisis secara perbandingan bagi mengenal pasti corak pemikiran dan pendekatan ilmiah dalam penghuraian hadith.

Kajian ini diusahakan untuk mengisi kekosongan dalam kajian metodologi syarah hadith, khususnya terhadap *Sunan al-Nasā'ī*, dengan memberi perhatian kepada kelebihan, kekuatan dan kecenderungan pendekatan setiap syarah. Penemuan kajian ini diharapkan dapat memperluas pemahaman terhadap variasi metodologi dalam ilmu *syarḥ al-ḥadīth* serta menyumbang kepada pengembangan pedagogi dan penyelidikan hadith di institusi pengajian Islam masa kini.

### Biografi al-Nasā'ī

Nama penuh beliau ialah Abū 'Abd al-Raḥmān Aḥmad bin Shu'ayb bin 'Alī al-Khurāsānī al-Nasā'ī. Beliau dilahirkan di bandar Nasā', sebuah kota yang terletak di hujung wilayah Khurasan, pada tahun 215 Hijrah seperti yang dinyatakan oleh al-Nasā'ī sendiri (Muhammad Alawi, 2003). Namun, terdapat pandangan lain daripada anak murid beliau, Abū Sa'īd bin

Yūnus, yang menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada tahun 214 Hijrah (Mukhtār al-Syanqīṭī, 2004).

Nasā' merupakan sebuah bandar yang terletak di barat laut Khurasan, bersempadan dengan Khawarizm, dan berhampiran dengan kawasan padang pasir serta gunung Jabal di sebelah baratnya. Di antara daerah yang terdekat dengannya termasuklah Serakhs, Abīward, dan Merv. Bandar Abīward pula dikatakan terletak kira-kira lima hari perjalanan dari Merv (Mahdī Jamil, 2023). Nasā' turut memiliki sebuah mata air yang besar yang mengalir dari kawasan pergunungan. Menurut deskripsi geografi moden, lokasi asal Nasā' kini tidak lagi meninggalkan sebarang kesan fizikal, namun ia dipercayai terletak di sebelah barat Ashkābād, ibu negara Turkmenistan, kira-kira lima belas kilometer dari situ. Secara geografi, Nasā' kini terletak di selatan Turkmenistan, bersempadan dengan jajaran gunung Koyt Dagh yang membentuk sempadan antara Iran dan Turkmenistan (Mahdī Jamil, 2023).

Dari segi penamaan, nama 'al-Nasā'ī' dinisbahkan kepada tempat kelahiran beliau. Menurut pandangan yang masyhur, nama Nasā' dipercayai berasal daripada perkataan 'al-Nasā'ī' atau 'al-Naswī' yang merujuk kepada tempat tinggal wanita-wanita yang diselamatkan daripada peperangan. Al-Sam'ānī (1988) turut menyebutkan bahawa terdapat pendapat yang mengaitkan penamaan ini dengan perkataan wanita (*nisā'*). Rujuk rajah di bawah:



Rajah 1: Peta kedudukan bandar Nasā'  
Rujukan: (Mahdī Jamil, 2023)

Al-Nasā'ī memulakan pengajian hadith sejak usia muda dan mula berguru dengan Qutaybah bin Sa'īd pada usia 15 tahun. Beliau melakukan pelbagai pengembaraan ke pelbagai pusat ilmu seperti Baghlān, Naysābūr, Merv, dan Jurjān, serta ke wilayah-wilayah utama seperti Hijaz, Iraq, Syam, Mesir dan Khurasan (al-Sakhāwī, 1993). Ibn Hibbān pernah menulis sebuah karya khas mengenai guru-guru al-Nasā'ī dan menyatakan bahawa jumlahnya melebihi 300 orang. Dalam risalah beliau yang bertajuk *Tasmiyah al-Syuyūkh*, al-Nasā'ī sendiri menghimpunkan nama 196 orang gurunya, manakala Ibn 'Asākir pula menyenaraikan seramai 444 orang guru. Antara guru-gurunya yang terkenal ialah Qutaybah bin Sa'īd, Ishāq bin Rāhwayh dan 'Alī bin al-Madīnī (Mahdī Jamil, 2023).

Beliau turut mempunyai ramai murid, termasuk tokoh besar seperti Ibn Sīnī, Ibn Mājah dan al-Ṭabarānī. Para ulama hadith secara umum mengakui ketokohan beliau dalam bidang hadith dan fiqh. Al-Dāraqutnī menyifatkan beliau sebagai salah seorang hāfīz hadith yang

paling unggul dari aspek ilmu, *'ilal*, dan sanad (Mukhtār Syanqīṭī, 2004). Al-Zahabī (1985) turut menyatakan bahawa tiada tokoh yang lebih luas hafazannya dalam era 300 Hijrah selain al-Nasā'ī. Bahkan beliau dianggap sebagai seorang mujtahid dalam fiqh dan pernah dinobatkan sebagai tokoh terkemuka Mesir pada zamannya (al-Hākīm, 1937).

### Pengenalan Kitab *Sunan al-Nasā'ī*

Karya utama al-Nasā'ī ini dikenali dengan beberapa gelaran. Antaranya ialah:

#### 1. *Al-Mujtabā*

Kitab ini digelar *al-Mujtabā* kerana ia merupakan hasil pemilihan hadith-hadith sahih yang disaring secara teliti oleh al-Nasā'ī. Menurut Omar Eiman Abu Bakar (Mahdī Jamil, 2023), al-Nasā'ī sendiri menamakan kitabnya sebagai *al-Mujtabā* berdasarkan prinsip pemurnian dan penyaringan hadith. Beliau turut mengaitkan penamaan ini dengan konsep pemilihan yang disebut dalam ayat-ayat al-Quran dan hadith. Namun, terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa gelaran ini mungkin diberikan oleh murid atau generasi selepas beliau berdasarkan perbezaan dalam manuskrip sejarah. Walau apa pun, gelaran al-Mujtabā diterima secara meluas dalam kalangan ulama hadith kerana mencerminkan kualiti pemilihan hadith yang dilakukan oleh al-Nasā'ī.

#### 2. *Al-Sunan al-Ṣughrā*

Gelaran ini digunakan untuk membezakannya daripada *al-Sunan al-Kubrā*, karya al-Nasā'ī yang lebih luas. Beberapa ulama seperti al-Suyūṭī dan Ibn al-'Imād menggunakan istilah ini dalam karya mereka.

#### 3. *Sunan al-Nasā'ī*

Gelaran ini merupakan nama umum yang diberikan kepada karya tersebut, merujuk kepada usaha al-Nasā'ī dalam menghimpunkan hadith-hadith sahih berdasarkan susunan tema-tema fiqh. Oleh kerana banyak kitab hadith menggunakan nama al-Sunan, maka menjadi kebiasaan dalam kalangan ulama untuk menisbalkannya kepada pengarangnya, lalu dikenali sebagai Sunan al-Nasā'ī.

Al-Nasā'ī tidak berbeza dengan para pengarang kitab *al-Sunan* yang lain daripada sudut penyusunan topik-topik dalam sunan beliau. Beliau mengumpulkan sebanyak 5761 hadith dalam 2572 bab. Kesemuanya dimasukkan dalam 52 tema (kitab). Rujuk rajah di bawah:

١- الطهارة.	٢- المياه.	٣- الحيض.
٤- الاستحاضة.	٥- الغسل والتيمم.	٦- الصلاة.
٧- المواقيت.	٨- الأذان.	٩- المساجد.
١٠- القبلة.	١١- الإمامة.	١٢- الافتتاح.
١٣- التطبيق.	١٤- السهو.	١٥- الجمعة.
١٦- تقصير الصلاة.	١٧- الكسوف.	١٨- الاستسقاء.
١٩- صلاة الخوف.	٢٠- صلاة العيدين.	٢١- الجنائز.
٢٢- الصيام.	٢٣- الزكاة.	٢٤- مناسك الحج.

٢٧- الطلاق .	٢٦- النكاح .	٢٥- الجهاد .
٣٠- الوصايا .	٢٩- الأحباس .	٢٨- الخيل .
٣٣- الرقبى .	٣٢- الهبة .	٣١- النحل .
٣٦- المزارعة .	٣٥- الأيمان والنذور .	٣٤- العمرى .
٣٩- قسم الفيء .	٣٨- تحريم الدم .	٣٧- عشرة النساء .
٤٢- الفرع والعتيرة .	٤١- العقيقة .	٤٠- البيعة .
٤٥- البيوع .	٤٤- الضحايا .	٤٣- الصيد والذبائح .
٤٨- قطع السارق .	٤٧- القسامة .	٤٦- القسامة .
٥١- آداب القضاة .	٥٠- الزينة .	٤٩- الإيمان وشرائعه .
	٥٣- الأشربة .	٥٢- الاستعاذة .

Rajah 2: Carta Isi Kandungan *Sunan al-Nasā'ī*  
Rujukan: (Mahdī Jamil, 2023)

Kedudukan *Sunan al-Nasā'ī* dalam hierarki *al-Kutub al-Sittah* menjadi perbincangan dalam kalangan ulama. Sebahagian meletakkannya di tempat ketiga selepas *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*, atas beberapa hujah penting:

1. Kepakaran al-Nasā'ī dalam bidang hadith dan *'ilal* diiktiraf melebihi Abū Dāwūd. Al-Zahabī menyatakan bahawa al-Nasā'ī lebih berpengetahuan tentang hadith, *rijāl*, dan *'ilal* berbanding Muslim, Abū Dāwūd dan 'Īsā. Malah beliau setanding dengan al-Bukhārī dan Abū Zur'ah.
2. Syarat penerimaan perawi oleh al-Nasā'ī lebih ketat berbanding Abū Dāwūd. Ibn Rajab menyebut bahawa syarat al-Nasā'ī jauh lebih ketat dalam pemilihan perawi yang tsiqah dan tidak meriwayatkan daripada perawi yang banyak melakukan kesilapan.
3. Al-Nasā'ī berhati-hati dalam meriwayatkan daripada perawi yang dha'if, seperti 'Abdullah bin Lahī'ah. Sebaliknya, Abū Dāwūd dan Muslim kadangkala meriwayatkan daripada mereka dalam konteks sokongan atau *mutāba'āt*.
4. Perbandingan antara bilangan perawi dhaif dalam *Sunan* menunjukkan bahawa Abū Dāwūd meriwayatkan daripada 332 perawi dhaif, manakala al-Nasā'ī hanya daripada 136 orang.

Oleh itu, tidak hairanlah jika sebahagian ulama menilai *Sunan al-Nasā'ī* sebagai karya ketiga paling utama dalam *al-Kutub al-Sittah*, selepas al-Bukhārī dan Muslim. *Sunān al-Nasā'ī* turut menerima pujian meluas dalam kalangan ulama hadith. Ibn Hajar al-'Asqalānī menyatakan bahawa ia merupakan salah satu daripada enam kitab hadith paling sahih dan mengagumi ketelitian al-Nasā'ī dalam menyaring hadith. Al-Zahabī pula menegaskan bahawa beliau lebih mahir dalam hadith, *rijāl* dan *'ilal* berbanding Muslim dan Abū Dāwūd, dan setanding dengan tokoh-tokoh agung seperti al-Bukhārī dan Abū Zur'ah (Mahdī Jamil, 2023). Kesemua fakta di atas sekaligus membuktikan kedudukan *Sunan al-Nasā'ī* dalam dunia Islam serta ia merupakan sebuah karya yang perlu dipelajari dan diterokai oleh para masyarakat.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif memandangkan ia paling sesuai untuk meneliti secara mendalam pendekatan metodologi syarah yang digunakan dalam tiga buah kitab syarah utama *Sunan al-Nasā'ī*, iaitu *Dakhīrah al-'Uqbā*, *Hāsyiah al-Sindī*, dan *Hāsyiah al-Suyūfī* (Junaidi et. al., 2023). Pendekatan ini membolehkan pengkaji menilai perbezaan serta persamaan metodologi secara kritis, sekali gus memberikan gambaran yang menyeluruh terhadap variasi pendekatan yang diamalkan dalam disiplin ilmu *syarḥ al-ḥadīth* (Mohd Idris Awang et al., 2018; Dzulfaidhi, 2024).

Bagi tujuan pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi. Sumber data primer terdiri daripada teks asal ketiga-tiga kitab syarah *Sunan al-Nasā'ī* yang dikaji, manakala sumber sekunder merangkumi karya-karya berkaitan seperti artikel jurnal, tesis, disertasi, buku ilmiah, serta sumber digital seperti *al-Maktabah al-Shāmilah*. Semua sumber ini dikumpulkan bagi memastikan setiap kitab syarah dianalisis berdasarkan struktur penulisan, kandungan ilmiah, dan pendekatan metodologi yang digunakan (Crocker & Robert A., 2009).

Untuk proses analisis data, kajian ini menerapkan kaedah analisis kandungan, iaitu suatu pendekatan yang menilai cara sesebuah teks diuraikan dan ditafsir berdasarkan prinsip dan kaedah tertentu. Fokus utama adalah untuk mengenal pasti pendekatan *syarḥ* yang digunakan dalam setiap kitab, sama ada dari aspek linguistik, fiqah, kritik sanad, atau pemahaman konteks. Kajian ini juga menganalisis struktur, susunan, dan gaya penghuraian yang digunakan oleh setiap pensyarah, seterusnya membandingkan pendekatan tersebut bagi menentukan corak metodologi yang paling signifikan dan konsisten dalam menafsirkan hadith Sunan al-Nasā'ī.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Definisi Ilmu *Syarḥ al-Ḥadīth*

Kepentingan memahami hadith secara menyeluruh, dari sudut makna, konteks, dan hukum, mendorong kepada perkembangan satu cabang ilmu yang dikenali sebagai ilmu *syarḥ al-ḥadīth*. Para ulama hadith menitikberatkan bukan sahaja kesahihan sesuatu riwayat, tetapi juga pemahaman yang tepat terhadap kandungannya (Anas Razak & Arif Nazri, 2024). Maka, lahirlah pelbagai karya dan pendekatan dalam menghuraikan teks hadith secara sistematik.

Dari segi etimologi, istilah '*syarḥ*' berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud membuka, menjelaskan, atau menerangkan sesuatu yang tidak difahami (al-Rāzī, 1987). Ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT:

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ

Maksudnya: "Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah kepadanya, nescaya Dia melapangkan dadanya untuk menerima Islam."(al-An'ām: 125)

Menurut al-Munāwī (2016), makna asal *syarḥ* merujuk kepada usaha menjelaskan sesuatu yang tidak difahami dan menerangkan maksud yang tersembunyi. Definisi ini amat sesuai digunakan dalam konteks pensyarah hadith yang bertujuan membongkar makna mendalam di sebalik lafaz Rasulullah SAW (Fath al-Din Muhammad & Sayuthi Abdul Manas, 2022). Sementara itu, dari segi istilah, al-Ashrafi (2007) mendefinisikan *syarḥ* sebagai proses menghuraikan lafaz hadith dan menjelaskan maknanya secara ilmiah.

Istilah '*ḥadīth*' pula secara linguistik membawa maksud sesuatu yang baru atau berita, sama ada sedikit atau banyak. Dalam konteks ilmu hadith, ia merujuk kepada segala yang disandarkan kepada Nabi SAW termasuklah perkataan, perbuatan, pengakuan, dan sifat Baginda SAW, dan kadangkala turut merangkumi sahabat serta tabiin (Muhammad bin Alawi, 2003; Aida et. al., 2024). Oleh itu, hadith merupakan sumber utama dalam memahami ajaran Islam selain al-Quran.

Gabungan kedua-dua istilah ini melahirkan ilmu *syarḥ al-ḥadīth*, iaitu satu disiplin yang memberi tumpuan kepada penghuraian kandungan hadith secara mendalam dan metodologikal. Menurut al-Arnāqī (1978), ilmu ini bertujuan memahami maksud sebenar yang diinginkan oleh Nabi SAW berdasarkan struktur bahasa dan prinsip-prinsip syariat, mengikut kemampuan manusia. Sementara itu, Muhammad bin Umar Bazmūl (2009) menyifatkan *syarḥ al-ḥadīth* sebagai suatu usaha untuk mengenal pasti permasalahan utama (*masā'il kulliyah*) serta asas-asas umum dalam teks hadith, agar makna dan dimensi fiqahnya dapat difahami dengan jelas.

Ilmu ini turut dikenali dengan beberapa nama lain seperti *fiqh al-ḥadīth*, *ma'ānī al-ḥadīth*, dan *usūl tafsīr al-ḥadīth*, yang menggambarkan keluasannya dalam menganalisis makna dan pengajaran yang terkandung dalam hadith. Dari sudut sejarah, amalan mensyarah hadith telah bermula sejak zaman Nabi SAW lagi. Baginda sendiri menjelaskan makna lafaz-lafaz yang sukar difahami oleh para sahabat. Tradisi ini diteruskan oleh sahabat utama seperti 'Abdullah ibn Mas'ūd, 'Abdullah ibn 'Abbās, 'Alī ibn Abī Ṭālib, serta isteri-isteri Nabi SAW, dan kemudian dikembangkan lagi oleh tabiin seperti Mujāhid, 'Ikrimah, 'Aṭā', dan Ḥasan al-Baṣrī. Mereka bukan sahaja memberi tafsiran, bahkan juga mengeluarkan fatwa berdasarkan kefahaman terhadap menjadikan pandangan mereka sebagai sumber rujukan dalam ijtihad dan pengeluaran hukum.

Perkembangan ilmu ini terus berkembang pesat melalui penulisan kitab-kitab syarah oleh para ulama dalam pelbagai mazhab dan zaman. Menurut Ahmad Amir Nabil dan Tasnim Abdul Rahman (2021), karya-karya syarah hadith telah membentuk satu kerangka pemikiran yang mantap melalui pentarjihan, analisis makna, dan penerapan *fiqh al-ḥadīth*. Ini menjadikan ilmu *syarḥ al-ḥadīth* sebagai satu bidang yang dinamik dan signifikan dalam disiplin ilmu hadith kontemporari.

### **Prinsip Asas Ilmu Syarḥ Al-Ḥadīth**

Dalam ilmu *syarḥ al-ḥadīth* terdapat disiplin yang perlu diikuti oleh setiap tokoh yang ingin mensyarahkan hadith. Menurut al-Akfanī (1994), *Uṣūl al-syarḥ* merupakan disiplin yang terpenting dalam ilmu *ḥadīth al-dirāyah*. Ia menggariskan metodologi

perbahasan kitab-kitab syarah hadith. Bagi mengenalpasti metodologi seseorang pengarang kitab syarah hadith, terdapat lima aspek yang boleh digunakan sebagai kayu ukur iaitu:

### 1. Pendekatan syarah hadith

Menurut Muhammad bin Umar Bazmūl (2009), dalam syarah hadith terdapat empat metod utama yang perlu diikuti oleh setiap individu berkeelayakan secara tersusun. Rujuk jadual di bawah:

No.	Metod Syarah Hadith	Penjelasan
1.	Syarah hadith menggunakan hadith	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan metod yang paling utama.</li> <li>• Merupakan metod yang kurang risiko kesilapan.</li> <li>• Hadith yang digunakan untuk syarah mestilah tidak bersangatan dhaif apatah lagi palsu.</li> </ul>
2.	Syarah hadith menggunakan perkataan sahabat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan metod syarah hadith kedua.</li> <li>• Sekiranya para sahabat berbeza pandangan mengenai syarah sesebuah hadith, dibenarkan untuk memilih pandangan paling tepat.</li> <li>• Mestilah syarah daripada sahabat tersebut dipastikan autentik.</li> </ul>
3.	Syarah hadith menggunakan perkataan tabiin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan metod syarah hadith ketiga.</li> <li>• Mestilah tabiin yang diakui dalam bidang hadith.</li> </ul>
4.	Syarah hadith menggunakan ijtihad dan bahasa arab	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan metod syarah hadith terakhir yang digunakan.</li> <li>• Seseorang individu mesti berkemahiran dan menguasai segala kepakaran diperlukan dalam memahami hadith.</li> <li>• Perlu merujuk juga pandangan tokoh-tokoh ulama lain.</li> </ul>

Jadual 1: Pendekatan Syarah Hadith

### 2. Manhaj syarahan:

Begitu juga dalam ilmu *syarḥ al-ḥadīth* terdapat manhaj syarah yang digunakan oleh setiap pengarang apabila menghuraikan hadith-hadith Nabi SAW. Kebiasannya pendekatan yang digunakan tergantung bidang kepakaran individu tersebut seperti manhaj *al-fiqh* bagi tokoh dalam bidang fiqah (Umar Abdul Aziz, 2007). Begitu juga keadaannya bagi manhaj lain seperti *manhaj al-aqīdah*, manhaj sufi dan sebagainya (Muhammad Ishaq, 1998).

### 3. Bentuk kitab syarah:

Kitab-kitab syarah hadith dapat diklasifikasikan kepada tiga bentuk utama berdasarkan pendekatan dan keluasan perbahasan yang digunakan dalam menghuraikan hadith (Ahmad Amir Nabil & Tasnim Abdul Rahman, 2021):

- a. *Al-Mabsūt* : Kitab syarah yang menyajikan penghuraian hadith secara mendalam dan komprehensif. Ia mengandungi perbahasan yang luas terhadap teks hadith, termasuk aspek sanad, matan, fiqah, dan pandangan ulama terdahulu serta kontemporari.

- b. *Al-Tawassut*: Kitab syarah yang bersifat pertengahan dengan perbahasan yang seimbang. Ia tidak terlalu panjang seperti *al-Mabsūt*, tetapi tetap memberikan penerangan yang mencukupi mengenai makna hadith, ikhtilaf dalam periwayatan, serta implikasi hukum.
- c. *Al-Mujīz*: Kitab syarah yang berbentuk ringkas dan lebih kepada catatan atau hashiyah. Ia memberikan penerangan singkat mengenai makna lafaz hadith serta merumuskan hukum dan faedah fiqh secara padat tanpa perbahasan yang terlalu panjang.

#### 4. Jenis syarahan

Dalam masa yang sama, Ahmad Amir Nabil dan Tasnim Abdul Rahman (2021) menyatakan terdapat beberapa jenis syarah yang dikeluarkan oleh para ulama Islam sepanjang zaman. Rumusan kesemua jenis syarah adalah seperti berikut:

No.	Jenis Syarah	Penjelasan
1.	<i>Al-syarḥ al-mawḍūʿī</i>	Syarahan yang merangkumi kefahaman tema ( <i>mawḍūʿī</i> ) yang menggarap maksud lafaz, bab, atau kitab hadith secara khusus.
2.	<i>Al-syarḥ al-tahlīlī</i>	Syarahan teks yang membentangkan perbahasan dan kupasan hadith yang komprehensif dan terperinci.
3.	<i>Al-syarḥ al-muqāran</i>	Syarahan yang mengupas dan membahaskan suatu juzuk hadith yang spesifik.
4.	<i>Al-syarḥ al-ijmālī</i>	Syarahan yang menghuraikan hadith secara ringkas.
5.	<i>Al-syarḥ bi al-maʿthūr</i>	Syarahan yang merujuk pada athar dan khabar yang sahih serta hujah yang dinukil dari ijihad sahabat, tābiʿīn, pernyataan (bahasa) Arab, syair, dan <i>nathr</i> .
6.	<i>Al-syarḥ li al-istidlāl</i>	Syarahan yang merungkai kefahaman dalil ( <i>fiqh al-dalīl</i> ) dan menghuraikan kaedah hukum serta istinbat.
7.	<i>Al-syarḥ al-madrasī</i>	Syarahan yang dirangka berasaskan keperluan pengajian di peringkat kuliah.

Jadual 2: Jenis Syarah Hadith

#### 5. Gaya penulisan syarah hadith

Bagi gaya penulisan kitab syarah hadith, ia terbahagi kepada tiga gaya utama iaitu (Fath al-Din Muhammad & Sayuthi Abdul Manas, 2022):

- a. *Al-Syarḥ al-Mawḍūʿī*: Syarah dengan lafaz 'qauluhu'.
- b. *Al-Syarḥ bi Qāla*: Syarah dengan lafaz lafaz 'qāla' atau 'aqūlu'.
- c. *Al-Syarḥ al-Mamzūj*: Syarah yang menghimpunkan matan dan huraian bersama

Secara keseluruhannya, ilmu *syarḥ al-ḥadīth* merupakan disiplin yang memiliki kaedah

dan prinsip yang tersusun dalam menghuraikan hadith Nabi SAW. Prinsip asas ilmu ini melibatkan metodologi syarah hadith yang berperingkat, pemilihan manhaj syarahan berdasarkan latar belakang keilmuan, bentuk kitab syarah yang pelbagai, jenis syarahan yang digunakan oleh para ulama, serta gaya penulisan yang berbeza dalam menghuraikan hadith.

Dengan memahami kelima-lima aspek ini, seseorang dapat mengenal pasti pendekatan serta keistimewaan yang terdapat dalam sesebuah kitab syarah hadith. Ini bukan sahaja membantu dalam menilai keautoritian syarahan yang diberikan, tetapi juga memudahkan pembaca dan pengkaji hadith dalam memahami kandungan sesebuah kitab syarah dengan lebih jelas dan sistematik.

### Perbandingan Metodologi Kitab-Kitab Syarah *Sunan al-Nasā'ī*

Bagi tujuan analisis perbandingan metodologi pensyarah terhadap *Sunan al-Nasā'ī*, kajian ini memilih tiga buah kitab syarah utama, iaitu *Hāsyiah al-Sindī*, *Hāsyiah al-Suyūṭī 'alā Sunan al-Nasā'ī*, dan *Dakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*. Pemilihan ketiga-tiga kitab ini adalah berdasarkan dua kriteria utama. Pertama, kesemua karya ini merupakan syarah lengkap yang meliputi keseluruhan bab dalam *Sunan al-Nasā'ī* dan kedua, ia mudah diakses melalui sumber dalam talian. Terdapat juga beberapa karya lain yang turut mensyarahkan hadith-hadith *Sunan al-Nasā'ī*, namun tidak dimasukkan dalam kajian ini atas beberapa pertimbangan. Antaranya ialah karya *Syarḥ Sunan al-Nasā'ī* oleh Mukhtār al-Syanqīṭī yang tidak sempat disempurnakan penulisannya. Selain itu, terdapat juga beberapa kitab syarah yang tidak dapat dijadikan pilihan kerana kesukaran akses terhadap versi lengkap atau cetakannya.

Dari sudut rujukan teks, kajian ini menggunakan cetakan *Dār Ibn al-Jawzī* bagi *Dakhīrah al-'Uqbā*, manakala cetakan Halab digunakan untuk *Hāsyiah al-Suyūṭī* dan *Hāsyiah al-Sindī*. Pemilihan cetakan-cetakan ini dibuat berdasarkan kemudahannya untuk diakses melalui aplikasi digital seperti *al-Maktabah al-Shāmilah*, sekali gus memudahkan proses semakan silang dan rujukan teks secara sistematik sepanjang kajian ini dijalankan. Kajian menjelaskan terlebih dahulu rumusan pengenalan bagi ketiga-tiga buah karya:

#### 1. *Dakhīrah al-'Uqbā*:

Kajian mengeluarkan pengenalan ringkas berkenaan karya *Dakhīrah al-'Uqbā*. Justeru perinciannya adalah seperti berikut:

Pengarang	Muḥammad bin 'Alī bin Ādam al-Ityūbī
Kitab	<i>Dakhīrah al-'Uqbā fī Syarḥ al-Mujtabā</i> , yang juga dikenali dengan nama lain <i>Gāyah al-Munā fī Syarḥ al-Mujtanā</i>
Pengenalan Karya	<ol style="list-style-type: none"> <li><i>Dakhīrah al-'Uqbā</i> merupakan syarah lengkap terhadap <i>Sunan al-Nasā'ī</i> hasil karya Sheikh Muḥammad bin 'Alī al-Ityūbī. Ia disusun selama lebih 15 tahun, dimulakan dengan muqaddimah ilmiah yang membincangkan biografi Imam al-Nasā'ī, metodologi beliau dalam penulisan dan <i>jarḥ wa ta'dīl</i>, serta pendekatan syarahan yang digunakan dalam kitab ini.</li> <li>Karya ini mendapat pujian tinggi daripada ulama hadith kontemporari seperti Sheikh Muqbil al-Wādi ṭ dan Sheikh 'Abd al-Muḥsin al-'Abbād, yang menganggapnya sebagai syarah terbaik bagi <i>Sunan al-Nasā'ī</i>, setanding dengan karya besar seperti <i>Faṭḥ al-Bārī</i>.</li> <li>Karya ini disiapkan dalam tempoh kira-kira 15 tahun, dan penulis menyatakan bahawa</li> </ol>

beliau telah menamatkan penulisan jilid ke-40 kitab ini pada malam Isnin, 1 Rabiul Akhir 1421H bersamaan 3 Julai 2000M, antara waktu Maghrib dan Isyak, di kawasan al-Zahrā', Makkah al-Mukarramah. Beliau menutup karyanya dengan ucapan syukur kepada Allah SWT dan memohon agar dimuliakan sebagai penduduk kota suci Makkah.

Jadual 3: Rumusan Pengenalan *Dakhīrah al-'Uqbā*

## 2. *Hāsyiah al-Sindī*:

Kajian mengeluarkan pengenalan ringkas berkenaan karya *Hāsyiah al-Sindī*. Justeru perinciannya adalah seperti berikut:

Pengarang	Muhammad bin 'Abd al-Hādī al-Sindī
Kitab	<i>Hāsyiah al-Sindī 'alā Sunan al-Nasā'ī</i>
Pengenalan Karya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karya ini merupakan salah satu hasyiah ringkas namun penting yang ditulis terhadap <i>Sunan al-Nasā'ī</i>, dan menjadi pelengkap yang berguna kepada syarah-syarah terdahulu.</li> <li>• Dalam muqaddimahnya, al-Sindī menyatakan bahawa kitab ini merupakan catatan ringkas terhadap hadith-hadith dalam <i>Sunan al-Nasā'ī</i>, dengan tujuan untuk membantu pembaca dan pengajar memahami lafaz hadith, makna yang asing (<i>gharīb</i>), serta aspek nahu dan <i>i'rāb</i> (tatabahasa). Beliau berdoa agar diberikan kesudahan yang baik dalam menyempurnakan karya ini, dan agar ajalnya ditutup dalam keadaan terbaik.</li> <li>• Gaya penulisan al-Sindī yang bersifat padat, dengan kecondongan kepada mazhab Ḥanafī dalam pentarjihan, menjadikan hasyiah ini sesuai untuk para pelajar dan pengkaji hadith yang ingin mendapatkan penjelasan asas terhadap teks, tanpa perbincangan panjang lebar. Karya ini telah dicetak beberapa kali, dan sering digabungkan dengan syarah al-Suyūṭī sebagai satu set lengkap dalam kebanyakan edisi cetakan moden.</li> </ul>

Jadual 4: Rumusan Pengenalan *Hāsyiah al-Sindī*

## 3. *Hāsyiah al-Suyūṭī*:

Kajian mengeluarkan pengenalan ringkas berkenaan karya *Hāsyiah al-Suyūṭī*. Justeru perinciannya adalah seperti berikut:

Pengarang	Al-Hāfīz Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī.
Kitab	<i>Hāsyiah al-Suyūṭī 'alā Sunan al-Nasā'ī / Zahr al-Rubā 'alā al-Mujtabā</i>
Pengenalan Karya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam karya ini, beliau menghuraikan beberapa hukum yang berkaitan dengan setiap bab dalam <i>Sunan al-Nasā'ī</i>, di samping memberikan ulasan ringkas terhadap beberapa perawi dalam sanad. Oleh kerana ia tidak menghuraikan semua hadith secara panjang lebar, maka ia sering digolongkan sebagai <i>ḥāsyiah</i> atau catatan pinggir, dan bukan syarah penuh.</li> <li>• Syarah al-Suyūṭī ini sering diterbitkan bersama dengan <i>Hāsyiah al-Sindī</i>, di mana kedua-dua karya ini saling melengkapi. Al-Sindī lebih banyak memberi tumpuan kepada penjelasan lafaz, makna yang sukar difahami (<i>gharīb</i>), serta aspek nahu dan <i>i'rāb</i>, manakala al-Suyūṭī menumpukan kepada penghuraian hukum dan maksud umum bab.</li> </ul>

- Merupakan sebahagian daripada usaha al-Suyūṭī dalam mensyarahkan kitab-kitab hadith termasyhur.

Jadual 5: Rumusan Pengenalan *Hāsyaiah al-Suyūṭī*

Setelah itu, kajian menganalisis persamaan dan perbezaan kedua-dua karya ini untuk mendapatkan dapatan yang lebih rinci. Kayu ukur metodologi setiap pengarang dilihat berdasarkan lima aspek seperti disebutkan sebelum ini. Rujuk jadual di bawah:

No	Bhg.	Kitab		
		<i>Dakhīrah al-‘Uqbā</i>	<i>Hāsyaiah al-Sindī</i>	<i>Hāsyaiah al-Suyūṭī</i>
1.	Pendekatan Syarah Hadith	Seimbang metod satu sehingga empat	Mengutamakan metod menukil pandangan tokoh lain	Mengutamakan metod keempat dengan menukil pandangan tokoh lain.
		Mengutamakan perbincangan mengenai teknikal hadith.	Mengutamakan perbincangan mengenai aspek bahasa hadith.	Mengutamakan mengenai aspek bahasa hadith.
2.	Manhaj Syarah	Kurang membahaskan mengenai isu akidah.	Membahaskan secara terperinci mengenai fiqh	Membincangkan secara ringkas dan terkadang terperinci mengenai fiqh.
		Membahaskan secara terperinci mengenai fiqh sesebuah hadith.	Membahaskan teknikal hadith pada hadith tertentu.	Jarang membahaskan mengenai teknikal hadith.
		Tidak menyentuh banyak mengenai aspek kesufian.	Menyentuh secara terperinci perbincangan akidah dan tasawuf.	Membahaskan apabila perlu mengenai akidah dan tasawuf.
3.	Bentuk kitab syarah	Kitab yang menghuraikan hadith tertentu dalam satu bab.	Kitab yang menghuraikan bab tertentu.	Kitab yang menghuraikan bab tertentu.
		Kitab yang menghuraikan aspek tertentu dalam sesebuah hadith.	Kitab yang menghuraikan aspek tertentu dalam hadith.	Kitab yang menghuraikan aspek tertentu.
4.	Jenis Syarah	<i>Al-Syarh bi al-Ma‘thūr.</i>	<i>Al-Syarh al-Tahlīlī</i>	<i>Al-Syarh al-Ijmālī.</i>
5.	Gaya Penulisan	<i>Al-Syarh al-Maudhi‘i</i>	<i>Al-Syarh al-Maudhi‘ī</i>	Syarah sahaja tanpa nas hadith

Jadual 6: Analisis Perbandingan Kitab Syarah

Daripada jadual di atas, dilihat ketiga-tiga kitab menggunakan pendekatan berbeza dalam mensyarahkan hadith. *Dakhīrah al-‘Uqbā* dilihat lebih seimbang, dengan penerapan semua bentuk metod pensyarahan hadith seperti linguistik, fiqh, teknikal sanad, dan konteks semasa. Manakala *Hāsyaiah al-Sindī* dan *Hāsyaiah al-Suyūṭī* lebih cenderung menggunakan metod nukilan pandangan tokoh sebagai asas penghuraian, tanpa perlu memasuki perbahasan yang terlalu teknikal. Ini menunjukkan bahawa *Dakhīrah al-‘Uqbā* bersifat lebih komprehensif, sementara dua yang lain lebih ringkas dan bersifat pengayaan.

Dari segi manhaj syarahan, ketiga-tiga kitab menunjukkan fokus tematik yang berbeza iaitu *Dakhīrah al-‘Uqbā* lebih menonjol dalam membahaskan teknikal hadith dan perincian fiqh, namun tidak menekankan isu akidah atau kesufian. *Hāsyiah al-Sindī* pula mempunyai skop syarahan yang lebih meluas, merangkumi bahasa, fiqh, akidah, tasawuf, serta sesekali menyentuh teknikal sanad. *Hāsyiah al-Suyūfī* lebih bersifat moderat dan ringkas, dengan fokus kepada aspek bahasa dan fiqh, serta hanya menyentuh aspek akidah dan tasawuf apabila perlu. Analisis ini menunjukkan bahawa *Hāsyiah al-Sindī* lebih menyeluruh dari sudut tematik, sementara *Dakhīrah al-‘Uqbā* lebih teknikal dan *fiqh-oriented*, dan *al-Suyūfī* lebih ringkas dan selektif.

Bagi bentuk kitab syarah, kesemua kitab ini menghuraikan hadith berdasarkan struktur bab, namun masing-masing turut menghuraikan aspek tertentu dalam hadith yang dianggap penting. Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga kitab menggabungkan antara pendekatan tematik (*mawḍū‘ī*) dan analitis, yang selaras dengan amalan syarahan moden. Dalam aspek jenis syarah, ketiga-tiga kitab yang dikaji memperlihatkan pendekatan yang berbeza sesuai dengan objektif dan latar belakang penulisnya. *Dakhīrah al-‘Uqbā* menggabungkan dua bentuk utama syarahan hadith, iaitu *al-syarḥ al-tahlīlī* (syarahan analitis) dan *al-syarḥ bi al-ma‘thūr* (syarahan berdasarkan riwayat terdahulu). Gabungan ini mencerminkan kecenderungan metodologi klasik yang mendalam, dengan penekanan terhadap analisis kritikal dan sandaran kepada sumber-sumber riwayat yang muktabar. Sebaliknya, *Hāsyiah al-Sindī* lebih cenderung menggunakan pendekatan *al-syarḥ al-tahlīlī* sahaja, yang bersifat analitis tetapi lebih ringkas dan fokus.

Manakala *Hāsyiah al-Suyūfī* pula mengambil pendekatan *al-syarḥ al-ijmālī*, iaitu syarahan secara umum dan tidak menghuraikan setiap elemen hadith secara terperinci. Hal ini menunjukkan bahawa *Dakhīrah al-‘Uqbā* lebih sesuai untuk kajian hadith secara mendalam dan ilmiah, manakala *Hāsyiah al-Sindī* dan *Hāsyiah al-Suyūfī* lebih sesuai untuk tujuan sokongan pengajaran, pembacaan pantas, atau rujukan ringkas.

Dari sudut gaya penulisan, *Dakhīrah al-‘Uqbā* dan *Hāsyiah al-Sindī* menampilkan gaya *al-syarḥ al-mawḍū‘ī*, iaitu syarah dengan lafaz ‘*qauluhu*’ yang menjadikan setiap isu atau bab dibincangkan secara berfokus. Ini menjadikan kedua-dua karya ini lebih tersusun dan sesuai digunakan dalam konteks pembelajaran dan penyelidikan. Sebaliknya, *Hāsyiah al-Suyūfī* menampilkan gaya penulisan yang lebih ringkas, dengan memberi syarah secara terus tanpa menyertakan nas hadith. Gaya ini memerlukan pembaca untuk merujuk teks asal hadith secara berasingan, namun ia tetap berguna sebagai nota tambahan atau pelengkap kepada syarah hadith yang lebih panjang. Oleh itu, *Dakhīrah al-‘Uqbā* lebih sesuai untuk pembacaan akademik yang mendalam dan berstruktur, manakala *Hāsyiah al-Sindī* dan *Hāsyiah al-Suyūfī* berfungsi sebagai pelengkap atau rujukan sokongan dalam kajian hadith.

Perbandingan ini memperlihatkan diversiti metodologi dalam syarah *Sunan al-Nasā’ī*. *Dakhīrah al-‘Uqbā* menonjol sebagai karya analitis dan berstruktur tinggi, manakala *Hāsyiah al-Sindī* menggabungkan ringkasan dan keluasan tematik, dan *Hāsyiah al-Suyūfī* menawarkan syarahan yang lebih padat dan sesuai untuk rujukan segera. Perbezaan ini menunjukkan bahawa syarah hadith mempunyai pelbagai gaya dan metod, dan kesemua karya ini saling melengkapi dalam menjelaskan teks *Sunan al-Nasā’ī* menurut disiplin ilmu *syarḥ al-ḥadīth*.

## KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga kitab syarah terhadap *Sunan al-Nasā'ī* yang dikaji iaitu *Dakhīrah al-'Uqbā*, *Hāsyiah al-Sindī*, dan *Hāsyiah al-Suyūṭī* menampilkan pendekatan metodologi yang berbeza, mencerminkan kepelbagaian tradisi keilmuan dalam disiplin ilmu *syarḥ al-ḥadīth*. *Dakhīrah al-'Uqbā* menonjol sebagai karya yang bersifat analitis dan komprehensif, menggabungkan metod *al-syarḥ al-tahlīlī* dan *al-ma'thūr* dengan penekanan terhadap aspek fiqah dan teknikal sanad. *Hāsyiah al-Sindī* pula menampilkan gaya yang padat dan ringkas tetapi menyeluruh secara tematik, sesuai bagi pembacaan praktikal yang tetap menjaga analisis fiqh, bahasa dan akidah. Manakala *Hāsyiah al-Suyūṭī* lebih ringkas dan bersifat sokongan, dengan syarah bersifat umum dan penekanan terhadap fiqah asas.

Keseluruhan analisis ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga kitab saling melengkapi antara satu sama lain. *Dakhīrah al-'Uqbā* sesuai untuk pengkaji yang mendalami metodologi syarah secara akademik, manakala *Hāsyiah al-Sindī* dan *Hāsyiah al-Suyūṭī* sesuai untuk pengajaran dan sokongan pembacaan pantas. Kajian ini membuktikan bahawa variasi metodologi dalam syarah hadith bukan sahaja memperkayakan tradisi tafsiran, tetapi juga menunjukkan kepentingan pendekatan sistematik dalam memahami teks hadith. Maka, dicadangkan agar kajian lanjut dilakukan terhadap karya-karya syarah lain dalam *al-Kutub al-Sittah* bagi memperluas pemahaman dan mengukuhkan kerangka metodologi ilmu *syarḥ al-ḥadīth* secara menyeluruh.

## RUJUKAN

- Aida Hartini Nan, Siti Fazidatul Zahariah Mat Saleh, Sakinah Abdul Mokti, Saadiah Mohd, & Sharifah Nurulhuda S Ab Latif. (2024). Pengaplikasian kaedah hadis tematik dalam pembinaan isi kandungan risalah dakwah: the application of the thematic hadith method in the construction of da'wah messages. *Global Journal Al-Thaqafah*, 14(2), 206–216. <https://doi.org/10.7187/GJAT122024-14>.
- Amir Nabil dan Tasnim Abdul Rahman. (2021). Perkembangan ilmu syarah hadith: Suatu telaah ringkas. *Rusydiah Jurnal Pemikiran Islam*, 2(2), 1-26 <https://doi.org/10.35961/rsd.v2i2.291>
- Anwar, S., Malik, D. A., Zulvia, R. A. ., Fauziansah, S. ., Fitrianto, B. ., & Anwar, S. . (2024). Ahl al-hadith and ahl ar-ra'yi in the formation and development of Islamic law. *International Journal of Law and Society (IJLS)*, 3(2), 77–89. <https://doi.org/10.59683/ijls.v3i2.88>.
- al-'Ani, Umar 'Abd al-'Aziz. (2007). Adwa' 'ala al-Manhaj al-Fiqhi fi Sharh al-Hadith. Dalam *Mu'tamar 'Alami 'an Manahij Tafsir al-Qur'an al-Karim wa Sharh al-Hadith al-Sharif*, Vol. 3. h. 1231–1264.
- Al-Ashrafī, H. 'A. 'A. S. (2007). *Al-Sharh al-Mawdu'i li al-Hadith al-Sharif: Dirasah Nazariyah Tatbiqiyah* (Tesis Sarjana). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Arsyad, J. ., Yuslem, N. ., & Sakinah, A. . (2023). Relevansi metode pendidikan Islam dalam kitab Hadis al-Arba'in an-Nawawī dengan metode pendidikan masa kini. *Munaddhomah: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 4(1), 155–164. <https://doi.org/10.31538/munaddhomah.v4i1.332>.
- Bayānūnī, F. D. (t.th.). Ḥammiyyatu al-shurūḥ al-ḥadīth wa-qawā'iduhā. Dalam *Mu'tamar 'Alami 'an Manahij Tafsir al-Qur'an al-Karim wa Sharh al-Hadith al-Sharif*. Jil. 2, h. 945–976).

- Brinkmann, S. (2023). Between Philology and Hadith Criticism: The Genre of Sharḥ Gharīb al-Ḥadīth. Dalam. J. Blecher & S. Brinkmann (pnylgr.), *Hadith Commentary: Continuity and Change* (pp. 15–49). Chapter, Edinburgh University Press.
- Crocker, Robert A. (2009). *An introduction to qualitative research*. Australia: Springer.
- Dzulfaidhi H. D. (2024). Kitab al-‘Ilal al-Saghīr sebagai karya ‘ilal al-hadīth: suatu analisis perbandingan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*. 25(1), 38-49.
- Faisal A. S. (2011). Pendekatan Kontekstual dalam Memahami Hadith-Hadith Rasulullah SAW. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*. 4(7),101-120
- Fath al-Din, M., & Abdul Manas, S. (2022). *‘Ulūm Dirāyat Matn al-Ḥadīth*. Selangor: IIUM Press.
- Al-Hākīm. (1937). *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Misriyyah.
- Hamzani I. et. al. (2021). Pengetahuan dan pemahaman pelajar Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (Ikmas) mengenai asas ilmu hadis. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*. 22(3): 195-210.
- Ibn Sidah, ‘A. I. (1999). *Al-Muḥkam wa al-Muḥīt al-A‘zam fī al-Lughah*. Jil. 4. M. al-Saqqa dan H. Nassar. (pnylg.). Mesir: Ma‘had al-Makhtutat bi Jami‘at al-Duwal al-‘Arabiyyah.
- Khalīlī, K. A. (1989). *Al-Irsyād fī Ma‘rifah ‘Ulamā al-Ḥadīth*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Mahdī Jamil. (2023). *Al-Madkhal Sunan al-Imām al-Nasā’ī al-Mujtabā*. Kuwait: Idārah al-Syu‘ūn al-Fanniyah.
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad dan R Zirwatul Aida R Ibrahim. (2018). Metodologi Penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: UM Press.
- Muhammad bin ‘Alawi. (2003). *Al-Qawā’id al-Asāsiyyah fī ‘Ilm Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Kaherah: Dār al-Hāwi.
- Muhammad bin Umar Bazmūl. (2009). *‘Ilmu Syarḥ al-Ḥadīth wa Rawāfid al-Baḥth ‘anhu*. Arab Saudi: Markaz Buḥūth al-Dirāsāt al-Islāmiyyah.
- Munāwī, A. (2016). *Al-Tawqīf ‘alā Muḥimmāt al-Ta‘ārīf*. Kaherah: Ālam al-Kutub.
- Nur Muhammad Anas Razak dan Mohd Arif Nazri. (2024). Manhaj kritik matan hadis Ibn al-Qayyim: Kajian terhadap kitab al-Manār al-Munīf. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(2),140-152
- Al-Qinnawji, S. b. H. (1999). *Abjad al-‘Ulūm al-Musammā bi al-Washy al-Marqūm fī Bayān Ahwāl al-‘Ulūm*. Jil. 2. ‘A. al-J. Zakkar. (pnylg.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Safdi, B. K. (2015). *Ilmu Syarah Hadith: Dirasah Ta’siliyyah Manhajiyyah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Islam Ghaza.
- Al-Sakhāwī. (1993). *Bughyah al-Rāghib al-Mutamannī fī Khatm al-Nasā’ī*. Riyadh: Maktabah Obekan.
- Al-Sam‘ānī, Abdul Karim Abdul Rahman (1988). *Al-Ansāb*. Beirut: Dār al-Jinān.
- Al-Syanqīṭī, Mukhtar. (2004). *Syurūq Anwār al-Minan al-Kubrā al-Ilāhiyyah bi Kashf Asrār al-Sunan al-Ṣughrā al-Nasā’iyyah*. Riyadh: Maṭba‘ah al-Ḥumaidi.
- Al-Zahabī, M. A. (1985). *Siyar A‘lām al-Nubalā’*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.